

Enam tukun tiruan diletak di perairan Pulau Mentinggi

Utusan 1/10/2014.

KOTA TINGGI 30 Sept. - Sebanyak enam tukun tiruan berjaya diletakkan ke dasar laut di perairan Taman Laut Pulau Mentinggi, Mersing dalam program 'Reef In My Heart 2014' kelmarin.

Program empat hari itu melibatkan 85 peserta termasuk 45 penuntut enam kolej komuniti iaitu dari Kota Tinggi, Batu Pahat, Tanjung Piai, Bandar Penawar, Kluang dan Bandar Tenggara serta dua institusi pengajian tinggi iaitu Politeknik Metro Johor Bahru dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

NURUL INTAN FARZANA

Projek anjuran bersama-sama Jabatan Taman Laut itu dirasmikan Ketua Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Pembangunan Pelajar, Kementerian Pendidikan, Sa'erah Abdul Rahim dan turut dihadiri Ketua Pusat Taman Laut Pulau Tinggi, Mohd. Lotfi Ali dan Pengarah Kolej Komuniti Kota Tinggi, Ali Sis.



TUKUN tiruan diturunkan oleh para peserta di Pulau Mentinggi, Mersing, baru-baru ini.

Pengarah program, **Khairul Aswad Ishak** berkata, aktiviti yang julung kali dilakukan di perairan pulau tersebut bertujuan menyemai sikap bertanggungjawab dalam pemuliharaan khazanah laut dan pembiakan ikan serta batu karang.

Selain itu, program berkenaan juga dapat membentuk dan membangunkan sahsiah peserta serta menjadi salah satu platform mempromosikan kolej komuniti kepada masyarakat.

"Kami berharap program ini dapat memberi impak yang berkesan kepada peserta dan masyarakat dalam meningkatkan keyakinan membentuk jati diri masing-masing," katanya sambil memberitahu pelbagai aktiviti turut diadakan sepanjang program termasuk mengenali khazanah marin bersama-sama Jabatan Taman Laut, kursus pendek asas pertolongan cemas di daratan dan air, khidmat masyarakat pembersihan pantai dan pembelajaran pembuatan tukun tiruan.

Sementara itu, seorang penuntut UTHM, **Nurul Intan Farzana Azman** mengakui amat teruja apabila dipilih mengikuti program yang dianjurkan.

"Selain dapat menjalin ikatan lebih rapat dengan masyarakat dan komuniti setempat, saya juga bertemu rakan-rakan baharu untuk bersama-sama menimba ilmu menerusi aktiviti yang diadakan," katanya.



SEBAHAGIAN peserta program Reef In My Heart selepas majlis penutupan program itu di Dewan Pusat Taman Laut Pulau Tinggi, Mersing, baru-baru ini.